

NUDIPIN 10 TABLET

Tablet Nifedipine (10mg)

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang terkandung di dalam risalah ini

1. Apakah kegunaan Nudipin 10
2. Bagaimana Nudipin 10 berfungsi
3. Sebelum mengambil Nudipin 10
4. Cara menggunakan Nudipin 10
5. Semasa menggunakan Nudipin 10
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Nudipin 10
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Nudipin 10

Nifedipine digunakan untuk mencegah dan merawat sakit dada dan tekanan darah tinggi.

Bagaimana Nudipin 10 berfungsi

Nifedipine iaitu bahan aktif Nudipin yang tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan calcium channel blockers. Calcium channel blockers menghalang pergerakan kalsium dalam sel-sel jantung dan saluran darah. Ini menyebabkan saluran darah direhatkan dan meningkatkan pembekalan darah dan oksigen ke jantung sementara beban jantung dikurangkan.

Sebelum mengambil Nudipin 10

- Bila tidak boleh mengambil

Nifedipine tidak boleh diambil oleh individu yang hipersensitif terhadap Nifedipine atau dihydropyridines lain, kejutan kardiogenik (keadaan individu yang kritikal disebabkan oleh pembekalan darah tidak mencukupi disebabkan oleh sekatan pada salur jantung yang mengganggu fungsi jantung sepenuhnya), penyempitan salur darah dalam jantung dan sakit dada Nifedipine juga tidak boleh diambil oleh wanita mengandung dan menyusukan anak.

Kehamilan

Jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau rasa diri anda mungkin mengandung, jangan ambil Nifedipine. Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubat.

Menyusu anak

Nifedipine boleh meresap ke dalam susu ibu. Oleh itu, penggunaannya tidak digalakkan semasa penyusuan. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat-ubatan.

- Sebelum mula mengambil

Sila rujuk dengan doktor anda.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Sebilangan ubat-ubatan didapati berinteraksi dengan Nifedipine dan tidak boleh digunakan secara bersama. Walaubagaimanapun, beberapa ubat boleh digunakan bersama di bawah langkah berjaga-jaga. Dalam keadaan ini, doctor anda boleh menukar dos atau mengambil langkah berjaga-jaga lain jika perlu. Jika anda hendak mengambil Nifedipine, ia adalah penting untuk memaklumkan doctor atau ahli farmasi anda sebarang ubat-ubatan lain yang diambil terutamanya:

- Ubat lain untuk merawat tekanan darah tinggi.
- Rifampicin (sejenis antibiotik)
- Erythromycin atau antibiotic macrolide lain
- Ritonavir atau produk lain untuk merawat HIV
- Ketoconazole atau ubat antikulat (azole antimikotik)
- Cimetidine (untuk merawat ulser perut)
- Phenytoin (Untuk merawat sawan)

Cara menggunakan Nudipin 10

Kebiasaannya Nifedipine diambil secara oral.

- Berapa banyak harus digunakan

Dos permulaan ialah 10 mg – 20 mg tiga kali sehari. Dos yang berkesan yang biasa ialah 10-20 mg tiga kali sehari. Jika lebih dos diperlukan, dos boleh ditingkatkan berperingkat peringkat ke tahap maximum 60 mg sehari

Kecemasan hipertensi

Dos yang disarankan untuk merawat jika berlaku kecemasan hipertensi (tekanan darah tinggi) ialah 20 mg dan jika lebih banyak pengurangan pada tekanan darah diperlukan, maka 10 mg lagi boleh diberikan selepas tempoh 30 minit.

Dos yang lebih rendah mungkin diperlukan di kalangan warga tua disebabkan pengurangan dadah. Dos tidak sepatutnya melebihi 60 mg sehari untuk rawatan hipertensi (tekanan darah tinggi).

- Bila perlu digunakan

Nifedipine selalunya diambil ketika atau selepas makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Seerti yang diarahkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Sila rujuk dengan doktor jika tertinggal dos.

- Jika mengambil berlebihan [terlebih dos]

Pengambilan Nifedipine yang berlebihan melalui mulut, perut sepatutnya dikosongkan melalui cucian gastrik, arang aktif mungkin diberikan. Penjagaan dari segi sokongan dan perawatan simptom perlu diberikan kepada individu.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda menganggap anda atau sesiapa mungkin mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan yang segera.

Semasa menggunakan Nudipin 10

- Perkara yang perlu dilakukan

Pengambilan Nifedipine patut dihentikan bagi individu yang mengalami kekurangan pembekalan darah ke dalam jantung selepas pengambilannya.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Bagi individu yang menghidapi salur darah tersumbat, pengambilan Nifedipine boleh meningkatkan risiko berlakunya serangan jantung. Pengeluaran Nifedipine secara tiba-tiba mungkin berkaitan dengan keadaan angina yang semakin serius.

Bilangan dos mungkin harus dikurangkan bagi pesakit yang mengalami kerosakan hati.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Nifedipine perlu digunakan secara berhati-hati untuk individu yang mengalami tekanan darah rendah, individu yang mengalami kegagalan jantung berfungsi.

Nifedipine mungkin dapat mengubah respon insulin dan glukos yang boleh menyebabkan perubahan pada rawatan antidiabetik.

Nifedipine boleh dikategorikan sebagai tidak selamat bagi individu yang mempunyai kesan allergik yang sangat serius, kerana ia sering dikaitkan dengan serangan akut.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Nifedipine boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini.

Maklumkan doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang berikut:

Kesan yang paling biasa adalah pening, sakit kepala, merah muka, tekanan darah rendah dan pembengkakan pada salur peripheral. Sakit dada mungkin berlaku pada permulaan rawatan.

Kesan sampingan yang jarang berlaku termasuk hidung tersumbat, otot kejang, sembelit, pedih ulu hati, batuk dan selsema.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Nudipin 10

- Penyimpanan

Simpan pada suhu bawah 30°C. Lindungi dari cahaya. Terdapat dalam Pek 100x10's dan Pek 10x10's.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet tidak bersalut, berwarna kuning, berbentuk bulat serong disisi, dengan garisan berputus di sebelah dan permukaan licin di sebelah.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:
Nifedipine

Bahan tidak aktif:

Povidone, Polysorbate 80, Maize starch, Microcrystalline Cellulose, Beta Cyclodextrin, Crospovidone, Sodium Lauryl Sulphate, Colloida; Anhydrous Silica, magnesium Stearate.

- Nombor MAL

MAL05012307AZ

Pengilang

Sai Mirra Innopharm Pvt. Ltd.
288 & 299, SIDCO Estate, Ambattur,
Chennai 600 098, Tamil Nadu, India.
Manufacturing License no.224

Pemegang Pendaftaran Produk

Medidata Sdn. Bhd. (33924-T)
36, Jalan PJS 8/6, Sunway Mentari,
46150 Petaling Jaya, Selangor D.E.,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

09/03/2018

Nombor Siri

NPRA(R4/1)120218/00043